



KENYATAAN RASMI

LARANGAN PULANG KE POLITEKNIK MERLIMAU BAGI PELAJAR DAN WARGA POLITEKNIK YANG KINI BERADA DI KAWASAN ZON MERAH

Selaras dengan **kenyataan media** dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia, Politeknik Merlimau (PMM) **meminta kerjasama semua pelajar dan warga PMM yang berada di kawasan zon merah agar tidak pulang kampus**. Segala makluman mengenai **pergerakan pulang dari zon merah akan dimaklumkan kemudian**. Bagi yang berada di **zon kuning dan hijau tiada halangan untuk pulang ke kampus**. Semua pelajar dan warga PMM diminta **merujuk status terkini pada aplikasi MySejahtera bagi mengetahui zon hijau dan kawasan bebas dari risiko penularan COVID-19**.

Larangan mengunjungi dan pulang dari daerah-daerah yang kini zon merah adalah untuk memastikan kampus PMM terus kekal sebagai bebas COVID-19. Pihak PMM tidak bertanggungjawab sekiranya tindakan kuarantin wajib atau berkaitan dengannya diambil kepada mereka yang berkenaan.

Dinasihatkan semua pelajar dan warga PMM hendaklah **sentiasa merekodkan pergerakan menerusi aplikasi MySejahtera** di setiap premis dan lokasi yang dikunjungi. Sekiranya **mempunyai simptom dan gejala, mohon jangan memasuki kampus PMM** dan terus merujuk kepada Klinik Kesihatan yang terhampir sebagai langkah pencegahan.

Semua pelajar dan warga PMM diingatkan agar sentiasa **mengamalkan pemakaian pelitup muka, pematuhan penjarakan fizikal, elakkan bersentuhan, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman, menjalani saringan suhu dan kesihatan setiap hari, mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul serta memastikan kesihatan dan kebersihan diri sepanjang masa agar sentiasa sihat.**

Kita satu keluarga, kita jaga kita. Tanggungjawab bersama memastikan PMM bebas COVID 19. Amalkan norma baharu untuk mencegah COVID 19.

Pengarah
Politeknik Merlimau
02 Oktober 2020.